

Alvin Tan bikin video azan bermuzik untuk masjid Malaysia
The Malaysian Insider
April 21, 2015

Personaliti kontroversi Alvin Tan sekali lagi mencuri perhatian ramai dengan video terbarunya – kali ini beliau melaungkan azan tanpa memakai baju dengan diiringi petikan organ.

Video selama 2 minit 50 saat itu menayangkan Alvin yang bertatu salib di dada kiri melaungkan azan sambil berkaca mata hitam, memakai rantai dan bersubang di telinga kiri.

Beliau turut memakai seluar pendek berwarna hitam.

"Matlamat baharu saya ialah agar semua masjid di Malaysia memainkan azan saya ini dan bukannya azan dari orang tua yang terbongkok-bongkok di depan mikrofon, menyeksa suara dan peti suara mereka.

"Biarlah orang-orang tua itu berehat... bersemadi dengan aman," tulis Alvin pada akaun Facebook miliknya yang memuatkan video tersebut.

Kali terakhir Alvin mendapat liputan media ialah sekitar Disember 2014 apabila pasport beliau ditarik balik Putrajaya selepas melarikan diri ke Amerika Syarikat.

Bekas kekasih Tan, Vivian Lee akan berseorangan menghadapi pertuduhan mempersendakan umat Islam di bulan Ramadan yang akan diteruskan di Mahkamah Sesyen pada 13 Julai depan.

Perbicaraan itu akan diteruskan walaupun tanpa kehadiran Tan, 27, ke mahkamah.

Tan, gagal hadir kali pertama di mahkamah pada 13 Jun tahun lepas ketika sebutan kes itu.

Mahkamah kemudian mengeluarkan waran tangkap terhadapnya selepas gagal mengembalikan pasport yang dipohonnya bagi tujuan penggambaran dokumentari di Singapura. – 21 April, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/alvin-tan-bikin-video-azan-bermuzik-untuk-masjid-malaysia>